



PIAWAIAN **BON LESTARI** ASEAN

Dikeluarkan / Terbitan: Oktober 2018

Pengenalan

Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF)¹ merupakan sebuah forum yang terdiri daripada pengawal selia pasaran modal dari negara-negara ASEAN yang tugas utamanya adalah untuk menggalakkan lebih integrasi dan keterhubungan dalam pasaran modal serantau.

Salah satu inisiatif utama ACMF adalah untuk membangunkan kelas aset lestari, selaras dengan kepentingan pembiayaan lestari yang semakin meningkat di ASEAN, terutamanya dalam memenuhi keperluan alam sekitar dan sosial ASEAN. *Piawaian Bon Lestari ASEAN* (ASEAN SUS) bertujuan untuk menyediakan panduan ke atas penerbitan Bon Lestari ASEAN. Bon Lestari ASEAN ialah bon yang mana hasil kutipannya akan diguna pakai khusus untuk membiayai atau membiayai semula gabungan kedua-dua Projek Hijau dan Sosial yang masing-masing menawarkan manfaat alam sekitar dan sosial.

Adalah difahamkan bahawa sesetengah Projek Hijau mungkin mempunyai manfaat sosial secara bersama, dan sesetengah Projek Sosial mungkin mempunyai manfaat alam sekitar secara bersama. Pengelasan bon melalui penggunaan hasil kutipan sebagai Bon Hijau, Bon Sosial atau Bon Lestari hendaklah ditentukan oleh Penerbit berdasarkan objektif utama bagi projek pendasarnya.

ASEAN SUS telah dibangunkan berdasarkan *Garis Panduan Bon Lestari* Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa (ICMA). ASEAN SUS disejajarkan dengan empat komponen teras (iaitu penggunaan hasil kutipan, proses bagi penilaian dan pemilihan projek, pengurusan hasil kutipan dan pelaporan) *Piawaian Bon Hijau ASEAN* (ASEAN GBS) dan *Piawaian Bon Sosial ASEAN* (ASEAN SBS). ASEAN GBS adalah relevan bagi Projek Hijau pendasar manakala ASEAN SBS pula relevan bagi Projek Sosial pendasar.

Perlu juga diperakui bahawa terdapat pasaran bagi bon bertemakan lestari, termasuk bon yang berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG). Dalam sesetengah keadaan, bon sedemikian diterbitkan oleh organisasi yang sebahagian besarnya atau secara keseluruhannya terlibat dalam aktiviti lestari, tetapi bon mereka tidak sejajar dengan empat komponen teras ASEAN GBS dan ASEAN SBS. Dalam kes sedemikian, pelabur perlu dimaklumkan sewajarnya dan perhatian perlu diambil untuk tidak membayangkan ciri-ciri ASEAN GBS atau ASEAN SBS dengan rujukan bon lestari atau SDG.

¹ Mengenai ACMF – http://www.theacmf.org/ACMF/webcontent.php?content_id=00001.

Penggunaan Bersama ASEAN GBS dan ASEAN SBS

Penerbit Bon Lestari ASEAN hendaklah sentiasa mematuhi kedua-dua ASEAN GBS dan ASEAN SBS. Hasil kutipan yang diperuntukkan kepada Projek tidak boleh digunakan untuk Projek Tidak Layak yang dinyatakan oleh ASEAN GBS (iaitu projek penghasilan kuasa bahan api fosil) dan juga ASEAN SBS (iaitu projek yang melibatkan aktiviti yang menimbulkan impak sosial yang negatif berkaitan dengan alkohol, perjudian, tembakau dan senjata).